



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(MAFI)**

**MAJLIS PELANCARAN SEDEKAD
SKIM PENGESAHAN BAHAN TANAMAN (SPBT)**

**7 OGOS 2022 (AHAD)
2.00 PETANG**

DEWAN A (PAVILION), MAEPS SERDANG

Selamat petang dan Salam Sejahtera Keluarga Malaysia,

YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

YANG BERBAHAGIA DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

YANG BERBAHAGIA DATO' ZAHIMI BIN HASSAN

Ketua Pengarah

Jabatan Pertanian Malaysia

YANG BERUSAHA PUAN NOR SAM BINTI ALWI

Timbalan Ketua Pengarah Pertanian

(Pengurusan dan Regulatori)

Pengarah-pengarah Bahagian

Pengarah-pengarah Pertanian Negeri

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

Rakan-rakan media

Para peserta Skim Pengesahan Bahan Tanaman dan Pegawai
Pemeriksa Skim Pengesahan Bahan Tanaman yang diraikan

Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada pihak penganjur yang sudi menjemput saya untuk hadir dan seterusnya merasmikan **Majlis Pelancaran Sedekad Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) Jabatan Pertanian** dengan bertemakan “**Benih, Asas Sekuriti Makanan Negara**”.
2. **Penganjuran program ini merupakan satu manifestasi penghargaan oleh kerajaan** terhadap pencapaian dan usaha tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa komited untuk meningkatkan kualiti sistem pengurusan sumber dalam pengeluaran agromakanan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Fokus utama **Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)** adalah untuk memastikan sistem rantai makanan negara dapat mendepani cabaran sekuriti makanan melalui jaminan terhadap keselamatan bekalan makanan negara yang bukan sahaja mencukupi tetapi juga **mampu dimiliki, selamat dan berkualiti**.
4. Sememangnya pengeluaran **bahan tanaman yang tulen, berkualiti dan bebas penyakit** memberi impak kepada kesejahteraan dan kesihatan rakyat. Justeru itu, Kerajaan sentiasa memberikan fokus kepada pengeluaran bahan tanaman tulen dan berkualiti melalui **pematuhan prosedur pengeluaran bahan tanaman dan pencapaian standard yang ditetapkan**.
5. Selaras dengan hasrat tersebut, Jabatan Pertanian telah membangunkan **Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT)** dan telah dilaksanakan sepenuhnya pada tahun **2012**.
6. Saya difahamkan, antara faedah bagi peserta skim ini adalah mereka berpeluang menjadi **pembekal anak benih klon buah-buahan untuk projek-projek pertanian** dan Jabatan Pertanian juga turut bantu **mempromosikan nurseri tanaman peserta melalui pameran dan laman web Jabatan Pertanian**.
7. Tambahan lagi, peserta juga boleh menerima **khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan hal pengeluaran anak benih** daripada pegawai-pegawai Jabatan Pertanian yang sentiasa sedia berkhidmat demi rakyat.

8. Pelaksanaan skim ini adalah sebagai salah satu **strategi Kerajaan** bagi menangani dan memberi kesedaran kepada masyarakat berkaitan kualiti dan ketulenan bahan tanaman.
9. Dalam tempoh lebih sedekad skim ini dilaksanakan, **seramai 111 orang pegawai** telah dilatih dan dilantik sebagai pegawai pemeriksa yang kompeten dan **sebanyak 25 jenis tanaman mencakupi 104 varieti** yang disyorkan sebagai tanaman komersil telah disenaraikan dalam Senarai Varieti Tanaman.
10. Kini, SPBT mempunyai **seramai 228 orang pengeluar** yang telah berdaftar sebagai peserta skim dan **sebanyak 63.3 juta pokok induk serta 63.6 juta bahan tanaman telah disahkan**. Syabas diucapkan kepada Jabatan Pertanian yang sentiasa membimbing dan memberi tunjuk ajar kepada Wira Agro kita untuk menghasilkan bahan tanaman tulen dan berkualiti.
11. Namun demikian, kita tidak boleh berhenti dengan pencapaian ini, **usaha berterusan daripada semua pihak yang terlibat harus dijalankan bagi memperkasakan sektor agromakanan negara demi menjamin sekuriti makanan negara**.
12. Saya berharap **bilangan peserta yang mendapat manfaat daripada skim ini dapat disebar luas** melalui khidmat pengembangan yang berkesan. Di samping itu, tawaran harga jualan yang menarik dan peluang menembusi pasaran antarabangsa diharap dapat menarik minat lebih ramai lagi peserta untuk memohon skim ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

13. Pada hari ini, saya berbesar hati kerana berpeluang **meraikan para penerima anugerah dan rakan strategik** yang begitu komited membimbing Wira Agro dalam satu majlis yang sama.
14. Di kesempatan ini, saya ingin **merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada peserta skim yang telah berjaya menghasilkan bahan tanaman yang tulen dan berkualiti** dan juga kepada **pegawai-pegawai pemeriksa skim** yang giat turun padang untuk mengesahkan bahan tanaman tersebut.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya juga ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli jawatankuasa kerja majlis dan individu-individu yang terlibat sama ada secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis ini.

16. Dengan kata-kata itu, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Perasmian Sedekad Skim Pengesahan Bahan Tanaman Jabatan Pertanian Malaysia 2012-2022.**

Terima kasih.